- “Wakalah” bermaksud kontrak agensi di mana anda melantik Maybank Islamic untuk bertindak sebagai ejen pembayaran anda untuk Transaksi menggunakan MAE.

1.2. Dalam Terma dan Syarat ini kecuali konteks memerlukan selainnya:

- (i) rujukan kepada mana-mana perundangan atau peruntukan di dalamnya hendaklah termasuk apa-apa pengubahsuaian berkanun dan penggubalan semula mana-mana peruntukan perundangan yang digantikan di dalamnya dan semua perundangan instrumen berkanun yang dikeluarkan oleh perundangan atau peruntukan tersebut;
- (ii) rujukan kepada mana-mana dokumen atau perjanjian hendaklah dianggap termasuk rujukan kepada dokumen atau perjanjian seperti yang mungkin dipinda, diganti, ditambah, dipelbagai atau diganti dari masa ke masa;
- (iii) rujukan kepada klausa hendaklah dibaca dalam hal subklausa, perenggan, dan subperenggan sebagai rujukan kepada subklausa, perenggan dan subperenggan seperti yang diperlukan;
- (iv) rujukan kepada mana-mana Pihak di dalam Perjanjian ini atau dokumen atau perjanjian berkaitan atau dilampirkan yang lain hendaklah termasuk pengganti hakmilik atau pemegang serah hak yang dibenarkan;
- (v) tajuk kepada klausa hanyalah untuk kemudahan sahaja dan tidak akan memberi kesan kepada tafsiran di dalamnya;
- (vi) perkataan yang menggambarkan bilangan tunggal hendaklah termasuk bentuk jamak dan begitu juga sebaliknya;
- (vii) perkataan yang menggambarkan individu hendaklah termasuk orang perundangan dan sebenar dan begitu juga sebaliknya;
- (viii) perkataan yang menggambarkan mana-mana jantina hendaklah merangkumi semua jantina; dan
- (ix) semua lampiran dan jadual yang dilampirkan di sini hendaklah ditafsir sebagai sebahagian yang penting kepada Terma dan Syarat ini.

## 2. PENERIMAAN MAE

- 2.1 Selepas anda berjaya memohon dan mendaftar MAE, kami akan menyediakan kemudahan MAE kepada anda tertakluk kepada Terma dan Syarat ini. Selepas pembukaan atau penggunaan MAE, anda bersetuju untuk terikat sepenuhnya dengan Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u dan Terma dan Syarat Maybank QRPay yang disediakan di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my).
- 2.2 Anda mestilah berumur minimum lapan belas (18) tahun dan berumur maksimum lapan puluh (80) tahun semasa permohonan dan/atau pendaftaran MAE. Sekiranya anda berumur di bawah lapan belas (18) tahun (“bawah umur”), anda mestilah mendapat keizinan ibu bapa dan/atau penjaga sah anda untuk menggunakan MAE. Penggunaan MAE oleh anda adalah pengakuan kepada kami

bahawa anda telah mendapatkan keizinan daripada ibu bapa dan/atau penjaga sah anda terlebih dahulu. Terma dan Syarat ini terpakai ke atas ibu bapa dan/atau penjaga sah anda sebagai pengganti kebolegunaan Terma dan Syarat ini ke atas anda. Bagaimanapun, untuk permohonan kad MAE, bank akan menghubungi ibu bapa atau penjaga sah anda untuk mendapatkan keizinan selepas permohonan anda. Bank boleh meminta ibu bapa atau penjaga sah anda untuk menghantar emel atau faks sijil kelahiran anda kepada bank dan dokumen pengenalan ibu bapa/penjaga sah anda. Kegagalan melakukannya, bank berhak menutup atau menahan kad MAE dan akaun anda sehingga anda hadir di mana-mana cawangan Maybank bersama-sama ibu bapa atau penjaga sah anda untuk penentusahan identiti.

- 2.3 Anda mengakui dan bersetuju untuk melanggan bagi menerima perkhidmatan Pemberitahuan Semerta daripada kami dan melanggan perkhidmatan Maybank Secure2u selepas permohonan dan/atau pendaftaran MAE. Perkhidmatan yang disediakan adalah sebahagian daripada perkhidmatan Maybank2u, dan hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u, yang disediakan di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my).
- 2.4 Anda mengakui dan bersetuju dengan terma dan syarat perkhidmatan Pengesahan Biometrik yang disediakan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengimbasan cap jari (dikenali sebagai Sentuhan Pantas), pengecaman muka atau pengecaman suara selepas permohonan dan/atau pendaftaran MAE.
- 2.5 Penerimaan untuk pembukaan MAE adalah atas budi bicara kami. Anda mengakui dan bersetuju bahawa kami boleh menolak untuk menerima permohonan untuk membuka MAE tanpa perlu memaklumkan kepada anda sebab penolakan tersebut.
- 2.6 Tanpa menjejaskan hak kami di atas, kami berhak untuk tidak menerima permohonan untuk membuka MAE selepas dimaklumkan atau menyedari tentang apa-apa prosiding undang-undang termasuk prosiding kebankrapan yang telah dimulakan terhadap anda.
- 2.7 Anda beraku janji untuk tidak mendedahkan nama pengguna dan kata laluan Maybank2u anda yang diwujudkan untuk mengakses MAE kepada mana-mana orang. Anda bertanggungjawab atas apa-apa masukan debit dalam MAE daripada apa-apa transaksi tanpa kebenaran. Kami tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa transaksi tanpa kebenaran hasil daripada pendedahan tersebut oleh anda.
- 2.8 Anda mengakui dan bersetuju untuk menerima kad maya yang dipautkan pada MAE yang boleh dilihat dalam aplikasi perbankan mudah alih Maybank2u. Terma dan syarat dan helaian makluman produk yang disediakan di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) untuk kad debit juga akan terpakai untuk kad maya yang dipautkan pada MAE.
- 2.9 Anda mengakui dan bersetuju bahawa apa-apa pendanaan ke dalam MAE daripada kad debit, akaun simpanan atau akaun semasa tidak akan digunakan untuk apa-apa aktiviti yang tidak dibenarkan.
- 2.10 Produk ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).
- 2.11 Kami berhak membeku dan/atau menutup MAE anda atas apa-apa sebab kecuali yang tidak dibenarkan undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - (i) Transaksi mencurigakan;
  - (ii) MAE diwujudkan di bawah/dengan nama rekaan atau MyKad atau Pasport atau apa-apa maklumat lain yang dianggap palsu pada masa pendaftaran; dan/atau
  - (iii) MAE diwujudkan dengan menggunakan imej MyKad atau Pasport atau swafoto yang mencurigakan.

- (iv) MAE diwujudkan tanpa apa-apa transaksi selama 3 bulan dari tarikh pewujudan.
- 2.12 Selepas menyedari apa-apa laporan yang telah dibuat mengenai identiti yang dicuri yang digunakan untuk mewujudkan MAE anda, kami berhak membekukan akaun dan/atau MAE anda sehingga siasatan disempurnakan dan Bank berpuas hati bahawa anda boleh meneruskan penggunaan MAE anda. Kami pada bila-bila masa boleh meminta anda untuk mengunjungi cawangan terdekat kami untuk melakukan penentusahan yang perlu berkenaan identiti anda.
- 2.13 Jika anda ingin menutup MAE anda, anda dikehendaki mengosongkan MAE anda sebelum mengunjungi cawangan kami untuk menutup akaun tersebut.

### **3. KONTRAK SYARIAH**

- 3.1 Anda mengakui bahawa MAE yang anda buka bersama kami dan diuruskan oleh Maybank Islamic akan berasaskan kontrak Syariah Wakalah.
- 3.2 Anda dengan ini melantik Maybank Islamic tanpa boleh membatalkannya sebagai ejen pembayaran untuk Transaksi menggunakan MAE.
- 3.3 Untuk tujuan Klausula 3.2, Maybank Islamic akan pada setiap masa menjadi ejen bukan eksklusif.

### **4. PERJANJIAN (WAAD) OLEH PEMEGANG MAE**

- 4.1 Pemegang MAE berjanji/berwaad dengan Bank seperti berikut:
- a) bahawa Pemegang MAE yang telah berjaya didaftarkan oleh Bank sahaja akan berhak untuk menggunakan MAE;
  - b) melaksanakan semua penjagaan sebaik mungkin pada setiap masa demi memastikan keselamatan dan kerahsiaan nama pengguna dan kata laluan Maybank2u anda;
  - c) memaklumkan kepada Bank dengan segera secara bertulis tentang apa-apa perubahan kepada butiran anda yang diberikan kepada kami semasa permohonan/pendaftaran MAE dan menyediakan apa-apa maklumat lain seperti yang kami minta dari masa ke masa.
  - d) mematuhi semua syarat lain untuk penggunaan MAE dan apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke masa;
  - e) untuk MAE yang diuruskan oleh Maybank Islamic, untuk menggunakan MAE bagi tujuan yang mematuhi prinsip Syariah sahaja termasuk tetapi tidak terhad kepada membeli barangan dan perkhidmatan, pembayaran bil, pembayaran QR dan apa-apa transaksi lain yang akan kami tentukan dari masa ke masa.
  - f) tidak menggunakan MAE bagi apa-apa tujuan perniagaan dan/atau aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada perbankan haram atas talian, pertaruhan atau perjudian;
  - g) memastikan jumlah Nilai Tersimpan mestilah pada setiap masa tidak melebihi RM4,999.00 untuk pelanggan tanpa Kad Debit Visa MAE, RM10,000.00 untuk pelanggan dengan Kad Debit Visa MAE atau apa-apa jumlah lain seperti yang akan kami tentukan. Jika anda berminat untuk membuka akaun yang melebihi had maksimum tersebut, anda boleh datang ke cawangan terdekat kami untuk membuka akaun Semasa, akaun Simpanan atau akaun Fund-i Harian atau akaun konvensional yang setara, mengikut mana-mana yang berkenaan;
  - h) memastikan Transaksi dibuat menggunakan MAE dan duit atau dana yang digunakan untuk "Tambah Nilai" / isi semula MAE tidak diperoleh daripada mana-mana sumber yang menyalahi undang-undang dan tidak berkaitan dengan apa-apa

aktiviti yang menyalahi undang-undang di bawah perundangan termasuk Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013 (“IFSA”) dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (“AMLATFPUAA”).

- i) Pemegang MAE yang berjaya menukar kepada MAE yang mematuhi prinsip Shariah tidak boleh menukar semula kepada akaun MAE yang terdahulu.

Untuk keadaan di atas dan dengan syarat tiada salah laku pada pihak kami yang dibuktikan di mahkamah, kami tidak akan menanggung liabiliti kepada anda. Anda bersetuju juga untuk melepaskan kami daripada semua liabiliti dan untuk menanggung rugi dan melindungi kami daripada apa-apa kerugian atau kerosakan yang boleh anda alami akibat keputusan kami untuk menggantung MAE anda dan melewati, menyekat atau menolak Transaksi anda.

## **5. SYARAT PENGGUNAAN**

- 5.1 Anda akan mematuhi semua keperluan, perintah, arahan dan garis panduan untuk penggunaan MAE yang kami keluarkan dari masa ke masa berhubung semua kredit, kemudahan dan perkhidmatan perbankan yang diberi kepada anda.
- 5.2 Anda akan bertanggungjawab ke atas semua caj dan pendahuluan yang timbul daripada semua transaksi, sama ada dibenarkan atau tanpa kebenaran, yang dibuat dengan MAE.
- 5.3 Walau apa pun peruntukan lain yang ditetapkan dalam dokumen ini, kami pada bila-bila masa boleh dengan atau tanpa notis menolak untuk memperbaharui, membatalkan, menarik balik, menggantung, menyekat atau menahkalkan penggunaan MAE anda atau menyekat transaksi yang dibuat melalui MAE selepas berlakunya mana-mana kejadian yang berikut tetapi tidak terhad kepada: -
  - a) MAE digunakan untuk pembayaran apa-apa pembelian yang menyalahi undang-undang;
  - b) MAE digunakan untuk pembayaran bagi apa-apa transaksi yang menyalahi undang-undang atau transaksi yang akan atau sedang melanggar undang-undang Malaysia;
  - c) MAE digunakan untuk pembelian barangan dan perkhidmatan yang akan dijual semula, iaitu, bukan untuk kegunaan peribadi Pemegang MAE;
  - d) menggunakan identiti palsu untuk membuka dan mengendalikan MAE; dan/atau
  - e) menggunakan MAE untuk tujuan aktiviti Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan (MLTF).

Pembukaan dan penggunaan MAE akan tertakluk kepada semua peruntukan FSA, IFSA, AMLATFPUAA dan semua peraturan dan perintah yang dibuat oleh BNM. Anda bersetuju untuk melepaskan kami daripada semua liabiliti daripada apa-apa kerugian atau kerosakan yang mungkin anda alami akibat keputusan kami untuk menolak untuk memperbaharui, membatalkan, menarik balik, menggantung, menyekat atau menahkalkan penggunaan MAE anda atau menyekat transaksi yang dibuat melalui MAE.

## **6. FI DAN CAJ**

- 6.1 E-Penyata disediakan di MAE secara percuma.
- 6.2 Mana-mana yang terpakai, anda akan dimaklumkan melalui penerbitan/paparan di laman sesawang kami mengenai apa-apa perubahan atau fi yang akan ditanggung oleh anda untuk apa-apa perkhidmatan yang kami sediakan. Anda hendaklah memeriksa fi atau caj semasa yang kami

kenakan di laman sesawang kami. Anda akan dimaklumkan tentang apa-apa perubahan kepada Terma dan Syarat ini dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan.

- 6.3 Anda akan bertanggungjawab atas semua tuntutan dan akan menanggung rugi kami ke atas semua tuntutan yang dibuat terhadap kami dan semua penalti, caj, ganti rugi, tuntutan, kerugian, kos dan perbelanjaan (perundangan atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam) yang mungkin kami tanggung secara munasabah disebabkan apa-apa perbelanjaan yang kami tanggung dalam menguatkuasakan hak dan kelayakan kami di bawah Terma dan Syarat ini dan mendapatkan semula wang yang anda terhutang dengan kami di bawah MAE anda dan untuk apa-apa fi dan caj yang munasabah lain yang kami kenakan untuk perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada anda.

## **7. PENAMATAN/PENARIKAN BALIK/PENGGANTUNGGAN PENGGUNAAN MAE**

- 7.1 MAE akan kekal menjadi hak milik kami pada setiap masa dan anda tidak boleh memindah atau sebaliknya melepaskan kawalan atau pemilikan MAE untuk apa-apa kegunaan atau tujuan tanpa kebenaran kami.
- 7.2 Kami berhak pada bila-bila masa menamatkan penggunaan, menarik balik atau menggantung penggunaan MAE atau sebaliknya menolak apa-apa Transaksi yang dilakukan dalam MAE jika kami menyedari berlaku apa-apa pelanggaran terhadap Terma dan Syarat tersebut oleh anda.
- 7.3 Anda dengan ini bersetuju untuk melepaskan kami daripada semua liabiliti dan menanggung rugi kami dan memastikan kami tidak terdedah kepada apa-apa tuntutan atau permintaan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada penarikan balik, penggantungan atau keengganan untuk melakukan mana-mana Transaksi dalam MAE termasuk apa-apa tuntutan bertujuan memfitnah atau untuk apa-apa kerugian.
- 7.4 Sebagai tambahan kepada hak kami yang ditetapkan di atas, kami pada bila-bila masa boleh menamatkan penggunaan dan menarik balik MAE selepas berlakunya apa-apa dan/atau semua kejadian berikut atau mana-mana daripadanya:
- a) anda diisytiharkan sebagai bankrap atau menjadi muflis, mati atau hilang akal;
  - b) apa-apa hak milik sebenar atau peribadi anda adalah tertakluk kepada levi pelaksanaan, writ penahanan, atau apa-apa bebanan undang-undang lain; dan/atau
  - c) anda gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini.
- 7.5 Anda boleh menamatkan MAE anda melalui permintaan rasmi secara bertulis kepada kami. Penamatan MAE anda tidak akan memberi kesan kepada liabiliti anda atas apa-apa wang yang boleh dibayar kepada kami pada tarikh sebelum dan sehingga tarikh penamatan.
- 7.6 Selepas pembatalan MAE atau selepas pembatalan, penggantungan, penamatan atau penyekatan penggunaan MAE oleh anda, semua wang tertunggak yang perlu dibayar di bawah MAE dan apa-apa kekurangan dalam Nilai Tersimpan akan dianggap sebagai wang yang anda perlu bayar kepada kami, dan akan menjadi perlu dibayar dan boleh dibayar dengan segera dan anda hendaklah selepas tuntutan daripada kami, menyelesaikan sepenuhnya kepada kami, di mana kegagalan melakukannya membolehkan kami mengambil apa-apa tindakan yang dianggap perlu untuk mendapatkannya semula.
- 7.7 Selepas pembatalan MAE atau selepas pembatalan, penggantungan, penamatan atau penyekatan penggunaan MAE oleh anda, anda boleh menebus Nilai Tersimpan melalui kaedah penebusan yang kami sediakan.

## **8. LIABILITI PEMEGANG MAE**

- 8.1 Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya atas semua Transaksi yang dilakukan melalui MAE dan nama pengguna dan kata laluan sama ada dilakukan dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran anda.
- 8.2 Anda akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk tidak mendedahkan nama pengguna dan kata laluan kepada mana-mana orang tanpa kebenaran. Selepas mendapati MAE anda telah terjejas, anda hendaklah segera memaklumkan Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank (dengan pengesahan secara bertulis dalam tempoh yang munasabah selepas itu). Anda hendaklah membuat laporan polis dan satu salinan laporan tersebut hendaklah diserahkan kepada kami.
- 8.3 Anda akan bertanggungjawab dan kekal bertanggungjawab atas semua Transaksi yang ditanggung daripada penggunaan tanpa kebenaran MAE jika siasatan kami dan/atau pihak berkuasa mendedahkan bahawa anda secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam perolehan apa-apa barangan atau perkhidmatan melalui penggunaan MAE.
- 8.4 Kami mestilah dimaklumkan secara bertulis dengan segera tentang apa-apa cubaan/transaksi tanpa kebenaran dan anda akan bertanggungjawab atas apa-apa transaksi atau penggunaan MAE sebelum kami menerima pemberitahuan tersebut.

## **9. PENAFIAN LIABILITI OLEH BANK**

- 9.1 Anda tidak akan menyebabkan kami bertanggungjawab jika maklumat anda telah digunakan oleh orang lain untuk membuka/mendaftar MAE disebabkan kecurian identiti dengan syarat kami telah melakukan pemeriksaan yang diperlukan.
- 9.2 Sekiranya berlaku sebarang kecurian identiti sebenar atau jelas atau penggunaan maklumat peribadi tanpa kebenaran, kami akan membuat usaha yang munasabah untuk menyiasat perkara tersebut dan berhubung dengan pihak berkuasa yang berkaitan.
- 9.3 Kami tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang anda alami yang timbul daripada apa-apa tindakan atau pengabaian oleh pihak peniaga termasuk keengganan peniaga untuk menerima pembayaran atau apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam mana-mana barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh peniaga tersebut. Anda hendaklah menyelesaikan semua aduan, tuntutan dan pertikaian terhadap peniaga secara langsung dengan peniaga tersebut dan bukan melalui kami. Apa-apa tuntutan dan/atau pertikaian atau prosiding undang-undang terhadap peniaga hendaklah tidak melibatkan kami. Kami tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa pembayaran yang dibuat kepada peniaga walau apa pun tuntutan dan/atau pertikaian yang mungkin anda ada terhadap peniaga. Di mana terdapat pertikaian terhadap Transaksi, amaun yang ditolak untuk pembayaran kepada Transaksi yang dipertikaikan tersebut tidak akan dibayar balik kecuali kami memutuskan selepas siasatan bahawa anda tidak bertanggungjawab atas Transaksi yang dipertikaikan tersebut. Apa-apa wang yang akan dibayar balik akan dikreditkan ke MAE.
- 9.4 Anda harus mengeluarkan dan mengecualikan kami daripada semua bentuk liabiliti walau apa pun jika pembayaran tersebut tidak diterima oleh mana-mana peniaga.

## **10. PERTANYAAN / ADUAN / KOMUNIKASI**

Apa-apa aduan berhubung MAE hendaklah diajukan kepada Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank.

Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank,  
Lot 12, Jalan Astaka U8/84,  
Section U8, Bukit Jelutong,  
40150 Shah Alam,

Selangor.

No.Telefon: 1300-88-6688  
No.Telefon Luar Negara: +603-78443696  
No. Faks: 1300-88- 8899  
Alamat Emel: mgcc@maybank.com.my

**11. MENAMBAH NILAI / NILAI TERSIMPAN MAKSIMUM / BAKI DEBIT**

11.1 Anda boleh “Tambah Nilai” dan memasukkan wang ke dalam MAE mengikut cara yang berikut atau mana-mana cara lain yang akan kami tetapkan dari masa ke masa: -

- a) pindahan dana daripada mana-mana akaun lain anda yang disimpan bersama kami dalam apa-apa cara yang kami benarkan;
- b) pindahan wang antara bank daripada akaun lain anda yang disimpan bersama bank lain;
- c) Kad Debit (MasterCard dan Visa) yang dikeluarkan dalam negeri; dan/atau
- d) mana-mana Mesin Deposit Tunai (CDM) atau Mesin Kitar Semula Pintar (SRM) tempatan Maybank.

11.2 “Tambah Nilai” tidak akan dianggap sebagai telah dibuat sehingga “Tambah Nilai” yang berkenaan diterima dan diproses untuk nilai oleh kami.

11.3 Nilai Tersimpan maksimum yang boleh anda kreditkan ke MAE ialah RM4,999.99 untuk pelanggan tanpa Kad Debit Visa MAE, RM10,000.00 untuk pelanggan dengan Kad Debit Visa MAE atau sebarang jumlah lain yang mungkin ditetapkan oleh kami. Walau bagaimanapun, jika hasil daripada apa-apa ralat atau keadaan lain, sistem kami membenarkan Nilai Tersimpan anda melebihi RM4,999.99 atau sebarang jumlah lain seperti yang mungkin ditetapkan oleh kami, kami akan memaklumkan kepada anda tentang lebihan tersebut dan memerlukan anda menggunakan sepenuhnya lebihan tersebut atau menebus lebihan tersebut melalui kaedah penebusan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahuan Bank.

11.4 Jika hasil daripada apa-apa ralat atau keadaan lain:

- a) anda mendebitkan jumlah melebihi Nilai Tersimpan anda; atau
- b) Transaksi melebihi Nilai Tersimpan; dan/atau
- c) Nilai Tersimpan MAE tidak mencukupi untuk membayar mana-mana fi dan caj dan mana-mana yang di atas menyebabkan baki debit dalam MAE, maka baki debit tersebut akan menjadi amaun perlu dibayar kepada kami dan anda akan membayar balik baki debit yang perlu dibayar tersebut kepada kami dalam tempoh 14 hari dari tarikh permintaan untuk pembayaran. Pembayaran tersebut boleh anda buat melalui “Tambah Nilai” dalam amaun yang menyamai atau melebihi baki debit tersebut. Apa-apa amaun “Tambah Nilai” dalam lebihan baki debit akan dianggap sebagai Nilai Tersimpan.

11.5 Anda menerima tanggungjawab penuh untuk semua Transaksi yang dibuat dengan menggunakan MAE dan akan menerima rekod Transaksi sebagai mengikat dan muktamad dan anda bersetuju juga dengan yang berikut:

- a) untuk apa-apa deposit tunai yang dibuat di CDM atau SRM untuk menambah nilai MAE, anda akan menerima amaun yang dideposit seperti yang dicetak pada resit CDM atau SRM dan kemasukan selepas itu dalam rekod kami diterima sebagai betul. Sekiranya wang tersebut, amaun yang didepositkan akan dianggap telah kami terima selepas disahkan oleh dua (2) pegawai kami;
- b) kami tidak akan dipertanggungjawabkan, dalam ketiadaan salah laku yang disengajakan



atau kecuaiian melampau dari kami atau pihak ejen kami, atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang mungkin anda alami disebabkan oleh perkhidmatan yang kami dan ejen kami tawarkan;

- c) kami tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa kerugian atau kerosakan jika anda memasukkan nombor MAE yang salah semasa urusan menggunakan perkhidmatan yang kami atau ejen kami tawarkan;
- d) kami tidak akan menyempurnakan apa-apa perintah atau arahan pembayaran kecuali terdapat baki yang mencukupi dalam MAE anda pada tarikh perintah atau arahan pembayaran tersebut dan kami tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian atau kerosakan. Semua perintah atau arahan pembayaran akan terbatal jika MAE anda ditutup atau perintah atau arahan pembayaran dibatalkan pada atau sebelum tarikh pembayaran;
- e) kami berhak menambah atau mengeluarkan mana-mana peniaga tanpa memberi apa-apa sebab dan tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami disebabkan tindakan tersebut;
- f) kami tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang timbul daripada apa-apa kesilapan dalam mendaftarkan mana-mana butiran bil, termasuk tetapi tidak terhad kepada nombor rujukan disebabkan oleh kegagalan anda untuk mendaftar butiran yang betul atau kegagalan untuk memaklumkan kepada kami tentang apa-apa perubahan;
- g) anda dengan ini memberi kuasa kepada kami untuk mendebit MAE anda atas caj yang dikenakan ke atas perkhidmatan pembayaran bil tersebut;
- h) pertikaian yang melibatkan semua transaksi tambah nilai yang diproses melalui Mastercard/Visa tidak akan dilayan. Anda tidak akan boleh membangkitkan tuntutan caj balik untuk transaksi yang telah diproses. Untuk tambah nilai kad debit ke MAE, kami berhak mengubah peraturan pengesahan tambah nilai kad debit tersebut. Tambah nilai kad debit tertakluk kepada caj balik yang ditetapkan oleh Visa dan Mastercard; dan
- i) kami berhak untuk menggantung, menarik balik dan/atau menyekat mana-mana pengisian nilai atau tambah nilai ke MAE yang kami dapati dan/atau di mana kami dimaklumkan oleh pihak ketiga (termasuk polis, Bank Negara Malaysia, Mastercard, Visa dan/atau institusi perbankan lain atau pihak yang berkenaan yang lain) sebagai luar daripada kebiasaan, mencurigakan, salah di sisi undang-undang atau tanpa kebenaran, dan kami berhak mengambil apa-apa tindakan terhadap anda seperti yang dianggap perlu untuk transaksi tersebut, termasuk menyekat, menggantung dan/atau menamatkan MAE tersebut.

## **12. PERDAGANGAN ELEKTRONIK (e-DAGANG)**

- 12.1 Anda bersetuju bahawa rekod kami mengenai mana-mana transaksi e-dagang yang dibuat dengan menggunakan MAE adalah muktamad dan terikat ke atas anda. Pemegang MAE bertanggungjawab atas semua caj dan pendahuluan yang timbul daripada semua transaksi e-dagang, sama ada dibenarkan atau tanpa kebenaran, yang dibuat dengan MAE.
- 12.2 Kami tidak bertanggungjawab dan tidak akan bertanggungjawab atas barangan dan perkhidmatan yang dibeli melalui MAE secara dalam talian melalui internet atau mana-mana kaedah lain yang anda benarkan. Kami tidak akan bertanggungjawab atas penghantaran, kualiti, keselamatan, kesahan, kesesuaian untuk tujuan atau apa-apa aspek lain barangan atau perkhidmatan tersebut (termasuk apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam mana-mana barangan atau perkhidmatan) yang anda beli daripada mana-mana peniaga dalam talian menggunakan MAE. Semua pertikaian yang melibatkan hal yang sama hendaklah diajukan secara langsung kepada peniaga dari mana barangan dan perkhidmatan yang berkenaan dibeli. Anda bersetuju untuk menyelesaikan semua pertikaian secara langsung dengan peniaga. Anda tidak layak untuk menolak selesai atau

menuntut balas terhadap kami atau menahan pembayaran kepada kami disebabkan aduan tersebut atau di bawah apa-apa keadaan pun berhubung tuntutan anda terhadap peniaga. Anda tidak boleh memulakan apa-apa tuntutan atau mengambil tindakan undang-undang terhadap kami atas apa-apa tuntutan yang anda ambil terhadap peniaga atau atas apa-apa isu berhubung penghantaran, kualiti, keselamatan, kesahan, kesesuaian untuk tujuan atau apa-apa aspek lain barangan atau perkhidmatan tersebut yang anda beli daripada peniaga tersebut.

- 12.3 Dengan menggunakan MAE untuk membeli barangan dan/atau perkhidmatan melalui laman atau portal internet dalam talian, anda akan bertanggungjawab atas keselamatan dalam penggunaannya pada setiap masa. Anda bersetuju bahawa kemasukan maklumat nama pengguna dan kata laluan Maybank2u anda dalam internet akan menjadi bukti yang mencukupi untuk pengesahan arahan tersebut. Kami tidak berkewajipan untuk menentusahkan identiti atau kuasa orang yang memasukkan maklumat nama pengguna dan kata laluan Maybank2u anda dan kami tidak bertanggungjawab untuk bertindak atas penggunaan MAE tanpa mengambil kira sama ada orang tersebut diberi kuasa atau tidak diberi kuasa dan tanpa mengambil kira keadaan semasa pada masa transaksi tersebut. Bagaimanapun, kami berhak menyekat, menggantung atau menolak apa-apa transaksi melalui internet jika kami mempunyai apa-apa sebab untuk meragui kesahannya atau jika pada pendapat kami bahawa ia bersifat mencurigakan, menyalahi undang-undang atau sebaliknya tidak wajar untuk melakukannya atau atas apa-apa sebab lain.

### **13. PEMBELIAN DALAM APLIKASI**

- 13.1 Selepas melancarkan Aplikasi, anda boleh klik butang senarai peniaga penyertaan (“Peniaga”) untuk melihat produk Peniaga.
- 13.2 Selepas mengklik butang Peniaga yang diinginkan, anda akan dihalakan semula kepada laman sesawang pihak ketiga untuk melayari katalog produk/perkhidmatan yang disediakan. Jika anda memutuskan untuk membuat pembelian, Aplikasi tersebut akan meminta anda mengelog masuk ke Aplikasi Mudah Alih Maybank2u dan memasukkan kata laluan. Halaman membuat pembayaran akan kelihatan dan anda perlu meminta pengesahan TAC atau Secure2u untuk mengesahkan transaksi tersebut. Anda kemudiannya akan menerima pemberitahuan transaksi berjaya daripada aplikasi mudah alih.
- 13.3 Semua hal mengenai penyempurnaan pembelian adalah antara anda dan Peniaga dan kami tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara pun termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian atau kecurian barangan/perkhidmatan yang dibeli.
- 13.4 Anda dengan ini bersetuju bahawa kami berhak untuk memberhentikan perkhidmatan Dalam Aplikasi tanpa apa-apa notis terlebih dahulu. Kami bersetuju bahawa semua pembelian yang dibuat sebelum tarikh penghentian perkhidmatan akan disempurnakan.
- 13.5 Anda boleh memilih akaun pembayaran, akaun simpanan dan/atau akaun semasa, bagi pembelian yang dibuat untuk pembelian Dalam Aplikasi. Anda akan memastikan semua akaun yang dipilih mempunyai baki mencukupi bagi membuat pembayaran untuk pembelian.
- 13.6 Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian mengenai transaksi yang dibuat melalui pembelian Dalam Aplikasi, anda boleh mengajukan aduan rasmi kepada kami dengan menghubungi Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank seperti pada butiran yang diberikan dalam klausa 9 di atas. Bukti transaksi perlu dikemukakan.
- 13.7 Selepas menentukan keesahan pertikaian tersebut, anda akan dibayar balik dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penentuan dan amaun akan dikreditkan ke dalam akaun. Apa-apa permintaan untuk membayar balik amaun itu ke dalam mana-mana akaun lain adalah tertakluk kepada kelulusan kami.

13.8 Apa-apa pertikaian yang melibatkan bahagian penyempurnaan Peniaga, anda mestilah membuat aduan secara langsung kepada Peniaga melalui platform aduan rasmi Peniaga. Kami tidak akan dipertanggungjawabkan atas pertikaian yang melibatkan penyempurnaan Peniaga. Apa-apa pembayaran balik berkaitan dengan pertikaian tersebut hendaklah mengikut proses seperti pada klausa 12.7.

13.9 Senarai Peniaga Penyertaan akan dipaparkan dalam Aplikasi secara langsung dan boleh diubah dan dikemas kini dari masa ke masa.

#### **14. e-PENYATA**

14.1 Anda akan menerima penyata bulanan elektronik (e-Penyata) yang menunjukkan amaun pembelian barangan dan/atau perkhidmatan anda, fi dan caj dikenakan ke atas MAE anda termasuk pembayaran atau tambah nilai yang kami lakukan dan rekodkan. E-Penyata akan mengandungi maklumat tentang Nilai Tersimpan atau sejarah Transaksi yang boleh diakses di laman sesawang kami dan melalui Aplikasi Mudah Alih dengan mengelog masuk ke dalam M2U MAE dengan nama pengguna dan kata laluan berdaftar anda.

14.2 E-Penyata akan dihantar kepada anda melalui emel kepada alamat emel yang diberikan pada masa pendaftaran MAE atau boleh dilihat/dimuat turun dari laman sesawang Maybank2u.

14.3 E-Penyata akan mengandungi sejarah Transaksi, fi dan caj yang berlaku dalam tempoh 48 jam sebelumnya dan menyimpan sejarah Transaksi, fi dan caj untuk tempoh 90 hari yang terakhir.

14.4 Rekod dan kemasukan dalam e-Penyata bulanan MAE akan dianggap betul dan terikat ke atas anda kecuali kami dimaklumkan tentang apa-apa pertikaian atau ralat dalam tempoh dua puluh satu (21) hari, di mana kegagalan untuk melakukannya, anda akan dianggap telah bersetuju dengan kemasukan yang terkandung dalam e-Penyata sebagai betul dan muktamad dan anda tidak akan membuat sebarang tuntutan terhadap kami dengan mendakwa bahawa e-Penyata tersebut mengandungi apa-apa ralat, percanggahan atau ketaktepatan.

#### **15. KEINGKARAN**

15.1 Selepas pembatalan MAE atau selepas penarikan balik, penggantungan atau penyekatan hak anda, atas permintaan kami, anda hendaklah dengan segera menyelesaikan MAE anda sepenuhnya atau sebahagiannya seperti yang kami kehendaki atau persetujui .

15.2 Walau apa pun peruntukan lain Terma dan Syarat ini, anda akan menanggung rugi kami atas apa-apa kerugian atau kerosakan, kos dan perbelanjaan, fi dan caj, yang boleh secara munasabah kami tanggung dalam menguatkuasakan atau cuba untuk menguatkuasakan pembayaran yang perlu dibayar kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini terhadap anda.

#### **16. HAK UNTUK TOLAK SELESAI, KONSOLIDASI DAN HAK UNTUK MENDEBIT**

16.1 Kami boleh dengan memberi anda notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari kalendar secara bertulis terlebih dahulu, menolak selesai atau memindahkan apa-apa wang yang berada dalam kredit mana-mana akaun anda bersama kami untuk pengurangan dan/atau pelepasan apa-apa jumlah boleh dibayar kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini.

16.2 Anda bersetuju bahawa hak dan kuasa kami di bawah Klausa ini tidak terkesan oleh kematian, kebangkrapan, insolvensi, persetujuan dengan pemiutang lain anda, atau apa-apa prosiding undang-undang terhadap anda.

#### **17. PENZAHIRAN MAKLUMAT DAN DATA PERIBADI PELANGGAN DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013 (“IFSA”) DAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (“APDP”)**

17.1 Anda membenarkan kami mengumpul, memproses, menyenggara, menyimpan, dan menahan data

peribadi anda, dan menzahir serta memindahkan data tersebut kepada entiti lain dalam Kumpulan Bank (termasuk cawangan tempatan dan luar negara kami), serta ejen dan penyedia perkhidmatan kami, di dalam dan di luar Malaysia.

- 17.2 Anda membenarkan kami menjalankan pemeriksaan kredit dan menentusahkan maklumat yang anda berikan kepada kami berhubung dengan Terma dan Syarat ini dengan biro kredit dan entiti berkenaan yang lain.
- 17.3 Anda membenarkan kami menzahirkan butiran berkaitan akaun anda bersama kami kepada:
- (a) kerajaan atau penguasa kawal selia atau agensi lain di Malaysia dan di tempat lain termasuk Bank Negara Malaysia, Biro Kredit, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System atau CCRIS), dan Cagamas Berhad;
  - (b) mana-mana Ahli Kumpulan Bank;
  - (c) mana-mana pihak yang menyediakan perkhidmatan kepada kami;
  - (d) ejen kami (termasuk ejen yang dilantik bagi tujuan mendapatkan semula jumlah yang anda perlu bayar dan boleh bayar kepada kami), perunding dan penasihat profesional;
  - (e) pemegang harta kami atau mereka daripada mana-mana Ahli Kumpulan Bank;
  - (f) mana-mana pegawai polis, atau mana-mana pegawai penyiasat yang menjalankan apa-apa penyiasatan; dan/atau
  - (g) mana-mana orang yang kepadanya penzahiran dibenarkan atau dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, peraturan, atau arahan atau permintaan kerajaan.
- 17.4 Tertakluk kepada pematuhan peraturan atau garis panduan kawal selia yang terpakai (termasuk pematuhan akan mana-mana keperluan “pilihan masuk” mandatori bagi tujuan pemasaran atau aktiviti rentas penjualan), kami boleh menggunakan mana-mana bahagian maklumat anda yang kami kumpulkan untuk tujuan tersebut seperti yang akan kami tentukan.
- 17.5 Anda membenarkan kami mengguna, menzahir, mengongsi atau mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan urusan anda atau akaun anda bersama kami bagi tujuan atau berhubung dengan apa-apa prosiding untuk pemerolehan semula apa-apa jumlah atau penguatkuasaan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini.
- 17.6 Kami boleh atas budi bicara kami, tanpa notis, memeriksa kedudukan kredit anda pada bila-bila masa.
- 17.7 Anda mengisytiharkan bahawa semua maklumat (peribadi atau sebaliknya) yang anda sediakan adalah lengkap dan tepat. Anda mestilah memaklumkan kepada kami dengan segera tentang apa-apa perubahan kepada maklumat anda bagi memastikan data dalam rekod kami dikemas kini.

## 18. **FORCE MAJEURE (hal luar jangka dan tidak dapat dielakkan)**

- 18.1 Kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga atas apa-apa kesusahan, kecederaan, perbelanjaan, liabiliti, kerosakan, kerugian keuntungan, pendapatan atau niat baik jika:-
- (a) kami tidak dapat melaksanakan mana-mana kewajipan kami menurut terma atau menyediakan apa-apa perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam dokumen ini diakibatkan oleh *Force Majeure*; dan/atau
  - (b) jika dana yang dikredit atau didebit daripada Akaun Bank tidak boleh di akses atau berkurangan dalam nilai diakibatkan oleh *Force Majeure*.

## 19. **UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN RASUAH**

19.1 Anda menjelaskan dan menjamin kepada kami bahawa anda akan pada setiap masa menggunakan MAE dan mengendalikan MAE dalam pematuhan akan semua Undang-Undang, dasar dan peraturan Pencegahan Rasuah yang terpakai.

## **20. PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM**

20.1 Anda menjamin bahawa tiada dana masuk dan keluar MAE merupakan perolehan, atau akan digunakan untuk, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti yang ditakrifkan dalam Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

20.2 Anda bersetuju bahawa semasa berkuatkuasanya Terma dan Syarat ini, dalam menggunakan MAE, anda tidak akan :

- (i) terlibat, secara langsung atau tidak langsung dalam urus niaga yang melibatkan aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- (ii) menyembunyikan atau menyamarkan sifat sebenar apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang; dan/atau
- (iii) mengguna mana-mana wang daripada akaun anda untuk apa-apa tujuan pengubahan wang haram atau tujuan lain yang menyalahi undang-undang.

## **21. SEKATAN**

21.1 Anda beraku janji, dalam pengetahuan anda, tidak ada saudara-mara anda merupakan individu yang (i) pada masa ini dikenakan apa-apa sekatan yang ditadbir atau dikuatkuasakan oleh Malaysia, Amerika Syarikat, OFAC, Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, Kerajaan UK atau pihak berkuasa sekatan berkenaan yang lain (secara kolektif, "Sekatan"), atau (ii) bertempat atau pemastautin di negara atau wilayah yang dikenakan Sekatan.

21.2 Anda tidak akan secara langsung atau tidak langsung, menyediakan dalam apa-apa cara, MAE tersebut kepada mana-mana individu atau entiti yang dikenakan Sekatan.

21.3 Anda mengakui bahawa Bank mungkin tidak dapat memproses transaksi yang terkesan yang melibatkan atau disyaki melibatkan pelanggaran Sekatan atau apa-apa keperluan yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau transaksi yang terkesan. Kami tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara pun atas apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam memproses transaksi tersebut kecuali kesalahan yang boleh dilakukan dibuktikan terhadap kami di mahkamah.

## **22. CUKAI**

22.1 Apa-apa cukai atau levi sekarang atau selepas ini yang dikenakan oleh undang-undang atau dikehendaki untuk dibayar berhubung apa-apa wang boleh dibayar kepada kami atau akan diterima oleh kami untuk apa-apa perbelanjaan yang kami tanggung atau akan tanggung (kecuali dilarang undang-undang) akan dibayar oleh anda.

22.2 Kami berhak untuk mendebit MAE anda untuk cukai atau levi yang boleh dibayar tersebut.

## **23. PENGIKATAN PENGGANTI**

23.1 Terma dan Syarat ini akan terikat ke atas anda, wakil peribadi dan pengganti hakmilik anda serta pengganti hakmilik dan serah hak Bank. Anda tidak akan menyerah hak mana-mana hak dan kepentingan anda dalam MAE atau perkhidmatan yang kami berikan seperti yang dinyatakan dalam dokumen ini. Kewajipan dan liabiliti anda akan diteruskan walau apa pun perubahan secara penyatuan, pembentukan semula atau sebaliknya dalam perlembagaan kami.

## **24. PEGEKALAN HAK DAN KELAYAKAN**

- 24.1 Walau apa pun dalam Terma dan Syarat ini, hak dan kelayakan kami di bawah Terma dan Syarat ini akan terus kekal berkuat kuasa dan dilaksanakan dan hendaklah tidak terjejas oleh apa-apa pembatalan, penamatan atau penggantungan MAE oleh kami.

## **25. NOTIS DAN PERUBAHAN**

- 25.1 Semua notis akan dihantar kepada anda melalui alamat emel yang diberikan pada masa pendaftaran MAE, dan/atau melalui pos biasa yang akan dihantar ke alamat terakhir yang diketahui dalam rekod kami.
- 25.2 Anda bersetuju bahawa, tertakluk kepada keperluan Syariah, kami bebas untuk mengubah, menambah atau meminda terma dan syarat yang ditetapkan dalam dokumen ini.
- 25.3 Terma dan Syarat ini bukan senarai terperinci dan kami berhak menambah, mengeluarkan, mengubah atau meminda Terma dan Syarat ini atau mana-mana bahagian di dalamnya dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu. Notis tersebut akan kami keluarkan melalui laman sesawang Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)) dan/atau melalui kaedah komunikasi lain seperti yang kami tentukan. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan perubahan, tambahan dan/atau pindaan tersebut, anda hendaklah berhenti menggunakan MAE, kegagalan melakukannya maka anda dianggap telah menerima perubahan, penambahan dan/atau pindaan tersebut.

## **26. PEMATUHAN AKAN KEPERLUAN KAWAL SELIA**

- 26.1 Anda bersetuju untuk mematuhi mana-mana keperluan kawal selia dan akan menzahirkan semua maklumat yang diperlukan kepada Bank seperti dan apabila perlu dan dikehendaki untuk memenuhi mana-mana keperluan kawal selia. Maklumat yang anda zahirkan akan kami anggap sebagai tepat dan muktamad untuk memproses transaksi tersebut.
- 26.2 Anda bersetuju bahawa kami berhak memegang apa-apa dana yang berada dalam MAE anda untuk memastikan pematuhan keperluan kawal selia yang berkenaan dan kami berhak mendebit MAE anda sekiranya tidak mematuhi keperluan kawal selia yang berkenaan.

## **27. KEBOLEHASINGAN DAN PENEPIAN**

- 27.1 Jika mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa-apa keadaan di bawah mana-mana undang-undang, maka keesahan, kesahan dan kebolehuatkuasaan peruntukan yang lain tidak akan dalam apa-apa cara pun terkesan atau terjejas.
- 27.2 Apa-apa penepian atau kebenaran yang kami beri tidak akan menghalang kami daripada menguatkuasakan bahagian yang lain Terma dan Syarat yang tidak terkesan oleh penepian atau kebenaran tersebut, atau hak lain atau memerlukan kami untuk memberi kebenaran yang lebih lanjut. Hak dan remedi yang disediakan oleh undang-undang tidak dikecualikan oleh Terma dan Syarat ini.

## **28. MASA**

- 28.1 Masa di mana sahaja disebut akan menjadi asas Terma dan Syarat ini.

## **29. UNDANG-UNDANG YANG MENTADBIR**

- 29.1 Terma dan syarat ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia. Kami boleh memulakan prosiding terhadap anda di Malaysia, tanpa mengira tempat bermastautin atau di mana-mana sahaja transaksi mungkin telah dijalankan.

### **30. LINK / TELELINK BANK NEGARA MALAYSIA**

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak kami selesaikan dengan memuaskan, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di

Blok D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur

Tel: 1 300 88 5465

emel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)